



جائزہ کما سبیلہ شریعتہ کبریٰ و قولا و فینع

KETUA HAKIM SYARIE

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427
Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami: JKSP.600-1/3/1 (4)

Tarikh : 25 Mac 2015

4 Jamadil Akhir 1436H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 6 TAHUN 2015
MELAMPIRKAN NOTA/ PERINGATAN PROSEDUR PENGURUSAN DAN
PENTADBIRAN HARTA PUSAKA BERSAMA PERINTAH FARAIID**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2015 pada 27 februari 2015 telah bersetuju dan memutuskan bahawa Nota/ Peringatan Prosedur Pengurusan Dan Pentadbiran Harta Pusaka perlu dilampirkan bersama Perintah Faraid.

Contoh Nota Prosedur Pengurusan Dan Pentadbiran Harta Pusaka adalah seperti dilampiran A.



NO. PENDAFTARAN: AR 3103

SYARIAH ASAS KEADILAN
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bilangan 7 Tahun 2014 adalah dimansuhkan

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“ SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang

NOTA/PERINGATAN
PROSEDUR PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN HARTA PUSAKA

1. Pembahagian harta pusaka si mati hendaklah dilaksanakan setelah perbelanjaan mengurus jenazah, hutang, wasiat, harta sepencarian dan lain-lain perkara yang wajib dilaksanakan oleh si mati diselesaikan.
2. Urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka si mati bolehlah dibuat:
 - a. Di Mahkamah Tinggi Sivil sekiranya si mati meninggalkan sama ada harta alih sahaja yang nilainya lebih RM600,000.00 atau harta tak alih (rumah/ tanah) sahaja atau beserta harta alih (wang simpanan, saham, kenderaan, caruman KWSP, kereta dan sebagainya) yang nilainya melebihi RM 2 juta;
 - b. Di Pejabat Pusaka Kecil Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian (JKPTG) sekiranya si mati meninggalkan harta tak alih sahaja atau harta tak alih beserta dengan harta alih yang nilainya tidak melebihi RM2 juta; dan
 - c. Di Amanah Raya Berhad sekiranya si mati meninggalkan harta alih (wang simpanan, saham, kenderaan, caruman KWSP, kereta dan sebagainya) sahaja dan nilainya tidak melebihi RM600,000.00.